


PENGURUSAN PROGRAM MENGURANGKAN AIR TIDAK BERHASIL (NRW) NEGERI SABAH

JABATAN AIR NEGERI SABAH (JANS)

RUMUSAN AUDIT

"Pencapaian output Projek Mengurangkan NRW JANS adalah memuaskan kerana tiga projek masih dalam pelaksanaan. Pengurangan NRW kepada sasaran 48% pada tahun 2020 tidak tercapai"



RM110.10 Juta

Kos Projek Mengurangkan NRW RMKe-11 dan Program NRW Nasional tahun 2020 hingga 2022



8 Projek

- 5 Projek Kerajaan Negeri
- 3 Projek Kerajaan Persekutuan



4 Komponen Utama

- Pengurusan aset (DMZ)
- Pengurusan dan kawalan tekanan air
- Pemetaan dan pengemaskinian data
- Pemantauan kehilangan air

Objektif Program

Mengurangkan kadar NRW negeri Sabah kepada sasaran yang ditetapkan iaitu 48% pada tahun 2020.

PENCAPAIAN OUTPUT



Projek Mengurangkan NRW JANS

5 projek disiapkan mengikut jadual asal



Program NRW Nasional

3 projek masih dalam pelaksanaan

PENCAPAIAN KEBERHASILAN

Pencapaian Keberhasilan NRW

Sasaran NRW tahun 2020 tidak tercapai iaitu 59.4% berbanding sasaran 48%



Pencapaian Keberhasilan Projek Mengurangkan NRW di 5 Daerah

Satu daerah mencatatkan penurunan kadar NRW manakala empat daerah tidak menunjukkan perubahan yang ketara

PENGURUSAN PROGRAM

1. Bacaan meter pengeluaran dan meter sempadan dibuat secara anggaran.
2. DMZ yang dibina tidak berfungsi.

SYOR AUDIT

1. Melengkapkan fasa projek secara menyeluruh termasuk 21 daerah yang masih tidak diliputi
2. Menyelesaikan isu kebocoran paip dan pembinaan DMZ yang menjejaskan pencapaian sasaran NRW negeri Sabah
3. Memantau projek NRECC yang masih dalam tempoh kontrak bagi memastikan projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan